

BAB 2

KAJIAN PERPUSTAKAAN YANG BERKAITAN

2.1 Pendahuluan

Penyelidikan yang berkaitan komunikasi terhadap warga emas amat terhad. Dua kajian tempatan berkenaan komunikasi warga tua adalah kajian Yoong (2006) yang mengkaji akomodasi di dalam sebuah institusi geriatrik Kristian serta kajian Gan (2006) terhadap wacana orang-orang tua. Kajian *elderspeak* boleh dikatakan satu bidang yang baru dalam kajian linguistik di Malaysia. Banyak kajian mengenai *elderspeak* telah bermula di luar negara sejak 1980-an seperti Ashburn and Gordon (1981), Culbertson and Caporeal (1983), Ryan et al. (1986). Dalam bab ini tinjauan dan kajian mengenai *elderspeak* dan topik-topik yang berkaitan dibincangkan. Kajian-kajian luar negara dijadikan rujukan utama sebab kekurangan kajian tempatan yang berkaitan secara langsung.

2.2 Pusat Jagaan Di Malaysia

Dalam usaha memelihara kebajikan dan mengembangkan perkhidmatan sosial negara, kerajaan Malaysia telah menubuhkan pelbagai institusi-institusi dan pusat jagaan seperti rumah anak yatim dan miskin, rumah orang tua, rumah perlindungan serta pusat-pusat untuk golongan kurang upaya dan sebagainya. Selain daripada itu, terdapat pusat-pusat jagaan swasta yang ditubuhkan oleh orang perseorangan atau syarikat. Pertubuhan pusat-pusat swasta ini adalah sebagai satu perniagaan dan bayaran perkhidmatan akan dikenakan ke atas tempat tinggal, pemakanan, rawatan kesihatan dan aktiviti harian semasa berada di pusat jagaan tersebut.

Terdapat dua jenis pusat jagaan secara am di Malaysia iaitu pusat jagaan harian dan pusat jagaan berkediaman. Semua penubuhan pusat-pusat jagaan tersebut adalah

tertakluk kepada Akta Pusat Jagaan 1993. Akta Pusat Jagaan 1993 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan pusat-pusat jagaan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Menurut maklumat Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2007), Pusat Jagaan Harian ditafsirkan sebagai premis di mana 4 orang atau lebih (bukan saudara) diterima untuk jagaan bagi satu tempoh yang lebih 3 jam sehari di antara terbit matahari hingga matahari terbenam dan beroperasi selama sekurang-kurangnya 3 hari seminggu. Pusat jagaan berkediaman pula ditafsirkan sebagai mana-mana premis di mana 4 orang atau lebih (bukan saudara) diterima untuk jagaan sebagai penghuni-penghuni di dalamnya.

Di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506), pengendali-pengendali Pusat Jagaan yang berdaftar perlu mematuhi piawaian minimum bagi tujuan melindungi dan menjamin kesejahteraan penghuni dan orang yang diterima untuk jagaan. Piawaian yang ditetapkan adalah termasuk:

- a. menyelenggara Pusat Jagaan dengan baik iaitu keadaan binaanya dan tentang kebersihan dan sanitasinya.
- b. Menyelenggara daftar-daftar, rekod-rekod dan akaun-akaun dengan betul.
- c. Membekalkan kelengkapan yang cukup dan sesuai.
- d. Menyediakan langkah-langkah keselamatan terhadap pencegahan kebakaran dan kejadian yang mungkin membahayakan nyawa atau kesihatan penghuni.
- e. Mematuhi peraturan nisbah penjaga dengan penghuni.

Menurut Peraturan Pusat Jagaan 1993, Pegawai Kebajikan Masyarakat mengawasi serta menjalankan siasatan ke atas Pusat-pusat Jagaan. Pegawai Kebajikan Masyarakat diberi kuasa memasuki dan memeriksa pada mana-mana premis yang digunakan

sebagai atau bagi sesuatu pusat jagaan untuk memastikan kesihatan dan kesejahteraan penghuni-penghuni dijaga dengan memuaskan. Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat diberi kuasa untuk memerintah menutup sesuatu Pusat Jagaan Berdaftar yang gagal mematuhi arahan atau kemungkinan menimbulkan bahaya mana-mana orang. Di bawah syarat-syarat Akta Pusat Jagaan, nisbah penjaga dengan penghuni dalam pusat-pusat jagaan adalah seperti jadual berikut (jadual 2.1)

Jadual 2.1 Peraturan Nisbah Penjaga Dengan Penghuni

Kumpulan Penghuni		Nisbah Penjaga
Kanak-kanak / Remaja	Bawah umur 4 tahun	1: 5
	4 hingga 10 tahun	1:18
	10 tahun ke atas	1:18
Orang Cacat	Cacat	1:10
	Cacat Teruk / Terlantar	1: 4
Orang Tua	Orang Tua	1:18
	Tua berpenyakit/ Terlantar	1:14

(Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)

2.3 Elderspeak

Kajian perpustakaan penyelidikan *elderspeak* akan dibincangkan dari aspek definisi, ciri-ciri dan penggunaan.

2.3.1 Definisi Dan Ciri-ciri *Elderspeak*

Elderspeak merupakan satu laras bahasa (*speech register*) yang digunakan oleh seseorang individu ketika bertutur dengan seseorang yang tua atau yang telah meningkat umur. Gaya pertuturan bahasa ini seolah-olah seseorang ibu atau orang dewasa bertutur dengan bayi atau kanak-kanak. Ahli linguistik (seperti Culbertson & Caporael, 1983; Coupland et al., 1991; Simpson, 2002) menerangkan *elderspeak*

sebagai suatu perlakuan bertutur yang mengalih kepada *baby-talk* ketika berkomunikasi dengan orang yang lebih senior.

Kemper et al. (1994) telah menerangkan maksud *elderspeak* sebagai ‘satu jenis laras bahasa khas yang ditujukan kepada orang yang lebih tua’. Laras bahasa ini menggunakan kadar pertuturan yang perlahan (*slow rate*), intonasi yang berlebih-lebih (*exaggerated intonation*), pic dan volum yang tinggi (*elevated pitch and volume*), berulang-ulangan (*greater repetition*), perbendaharaan kata dan tatabahasa yang ringkas berbanding dengan pertuturan normal seseorang dewasa.

Simpson (2002) bersetuju dengan definisi seperti gambaran yang diberi oleh Kemper et al. (1994). Beliau mengatakan *elderspeak* sebagai “sejenis pengubahsuaian oleh orang yang lebih muda ketika bercakap dengan warga tua”. Di antara pengubahsuaian yang disebut adalah seperti menggunakan “*sing song voice*”, penukaran pic dan nada, menggunakan perkataan yang berlebih-lebih (*exaggerated*), meringkaskan ayat yang kompleks, bercakap secara perlahan, menggunakan perbendaharaan kata yang terhad, mengulang apa yang telah dicakapkan serta menggunakan pernyataan yang berbentuk soalan.

Elderspeak juga disamakan dengan beberapa istilah yang berlainan. Caporeal (1981) dalam kajiannya mendefinisikan *baby talk* sebagai satu set “*prosody configurations*” yang merangkumi pelbagai pic yang tinggi yang kerap digunakan oleh penjaga (*care taker*) terhadap komuniti warga tua. Ia susah dibezakan daripada *baby talk* yang asal (*primary baby talk*) iaitu laras bahasa pertuturan yang ditujukan kepada kanak-kanak. Didapati bahawa sebahagian ungkapan yang ditujukan kepada orang tua mengandungi pic yang tinggi. Morfem dan ciri-ciri paralinguistik ‘*baby*’ seakan-akan bahasa atau

kata-kata yang ditujukan kepada kanak-kanak. Oleh demikian, Caporael dan rakan-rakannya (Caporael, Lucaszewski & Culbertson, 1983) mendefinisikan corak pertuturan ini sebagai *Secondary Baby Talk*.

Ashburn and Gordon (1981) juga menghuraikan *secondary baby talk* sebagai suatu pola pertuturan (*speech pattern*) di mana penjaga (*care giver*) meringkaskan ujaran mereka ketika bertutur dengan warga tua (*elderly*). Ujaran penjaga terhadap warga tua adalah lebih pendek, ayat yang diujarkan kurang lengkap, mengandungi banyak ayat perintah (*imperative*) dan ayat penanya (*interogatives*) serta ujaran yang berulang-ulangan. Penjaga atau orang dewasa akan menukarkan cara pertuturan mereka ketika bertutur dengan orang tua. Pic pertuturan akan menjadi lebih tinggi dan ciri-ciri paralinguistik diubahsuai seperti dituturkan kepada kanak-kanak. Kajian Masataka (2002) telah membuktikan bahawa ciri-ciri *secondary baby talk* adalah ciri-ciri pertuturan dengan kanak-kanak yang dilanjutkan ke dalam komunikasi untuk warga tua.

Snow and Ferguson (1977) menggunakan istilah "*baby talk*" untuk merujuk kepada "*motherese*". *Motherese* adalah nama yang diberi terhadap bahasa yang ditutur oleh ibu-ibu kepada anak-anak mereka. *Motherese* juga dikenali sebagai "*parentese*", "*care giversee*" atau "*child directed speech*". Ketika berkomunikasi dengan kanak-kanak, ibu bapa menggunakan pola *motherese* untuk menunjukkan kasih sayang dan untuk membina hubungan sosial. Dalam kajian ini, penggunaan istilah *elderspeak* adalah sinonim dengan terma *baby talk*, *secondary baby talk* atau '*motherese*'.

Walau bagaimana pun, kita perlu menyedari bahawa bukan semua komunikasi dengan orang tua atau senior dikategori sebagai *elderspeak*. Penggunaan bahasa menjadi *elderspeak* hanya jika ia menunjukkan ciri-ciri *elderspeak*. Kemper et al. (1994)

mengatakan bahawa *elderspeak* ditandakan dengan kadar pertuturan yang perlahan, sintaksis yang ringkas, tatabahasa yang terhad dan prosodi yang berlebih-lebih. Ia serupa “bahasa yang ringkas” tetapi serupa juga jenis bahasa ringkas yang digunakan oleh orang dewasa kepada kanak-kanak. Ciri-ciri *elderspeak* yang dikesan oleh linguis (seperti Coupland et al., 1991; Simpson, 2002; la Tourette & Meeks, 2000) adalah termasuk ulangan, perbendaharaan kata yang terhad, dan penggunaan sintaksis yang ringkas.

Kajian tempatan yang berkaitan dengan *elderspeak* telah dijalankan oleh Yoong (2006) di sebuah institusi geriatrik Kristian di Petaling Jaya, Selangor. Kajian Yoong (2006) juga menunjukkan ciri-ciri *elderspeak* yang sama seperti linguis yang telah disebut (seperti Coupland, Coupland & Giles, 1991; Simpson, 2002; la Tourette & Meeks, 2000). Data kajian beliau menunjukkan bahawa penjaga menggunakan banyak ayat tanya semasa berinteraksi dengan warga tua. Dalam penganalisan penggunaan ayat tanya, Yoong (2006) telah mengkategorikan struktur ayat tanya tersebut kepada lima jenis soalan iaitu *tag question*, *alternative answer question*, *rhetorical question*, *guided open ended question* dan *yes/no question*.

2.3.2 Penggunaan Elderspeak

Elderspeak biasa digunakan oleh penutur yang lebih muda kepada pendengar yang lebih tua. de Bot (2005) mengatakan bahawa *elderspeak* biasa diguna oleh penutur yang muda. Orang yang lebih berumur hanya menggunakan *elderspeak* apabila mereka bertutur dengan orang yang lebih tua dan uzur daripada mereka.

Interlokuter yang kerap mengguna *elderspeak* adalah jururawat dan penjaga (*care taker*) yang bekerja di pusat penjagaan warga tua atau rumah warga tua. Ashburn and

Gordon (1981) membandingkan struktur hubungan terhadap penjaga yang diupah dengan pekerja sukarelawan di sebuah rumah warga tua. Mereka mendapati bahawa penjaga yang diupah telah menunjukkan corak pertuturan *elderspeak* tetapi tidak dengan pekerja sukarelawan. Kajian mereka juga menunjukkan bahawa hanya penjaga yang memainkan peranan sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap orang lain sebagai profesion menggunakan *elderspeak*.

Menurut Caporael et al. (1983), penggunaan *elderspeak* dipengaruhi oleh kedua-dua pihak penutur dan pendengar. Beliau mendapati bahawa sekiranya penjaga mempunyai persepsi “*impairment*” terhadap orang tua, mereka akan menggunakan *elderspeak* apabila bercakap dengan orang tua. Ini adalah sebab penjaga menyangka bahawa orang tua yang kurang upaya lebih sesuai dilayan dengan *elderspeak*, dan mereka menyangka orang tua suka dengan cara pertuturan *elderspeak*. Ryan et al. (1986) dalam kajiannya melaporkan bahawa warga tua yang mengalami keupayaan kognitif yang rendah adalah bertoleransi dengan penggunaan *elderspeak* terhadap mereka. Seperti yang dinyatakan oleh de Bot (2005), *elderspeak* digunakan khas untuk orang tua yang menunjukkan kekurangan kognitif dan seakan-akan satu cara semulajadi yang digunakan oleh penutur kepada orang tua.

De Wilde and de Bot (1989) sependapat dengan Ryan et al. (1986) bahawa sebanyak mana penggunaan *elderspeak* adalah dipengaruhi oleh tahap kesedaran kognitif seseorang. Mereka membuat kajian untuk mengetahui penggunaan bahasa oleh penjaga professional terhadap warga tua di sebuah rumah warga tua. Hasil kajian menunjukkan *elderspeak* lebih banyak digunakan ke atas warga tua yang mengalami kemerosotan kognitif dan mempunyai kesedaran yang rendah terhadap *elderspeak*.

Yoong (2006) pula menganggap penggunaan *elderspeak* sebagai satu bentuk akomodasi bahasa. Yoong (2006) mengkaji mengenai akomodasi di kalangan penjaga di sebuah institusi geriatrik Kristian tempatan. Dapatan kajian Yoong (2006) menunjukkan ciri-ciri *elderspeak*, *code-switching* dan *speech acts* merupakan akomodasi linguistik yang dilakukan oleh penjaga. Analisis *speech acts* menunjukkan penjaga menggunakan *directives*, *prohibitive* serta *advisory* untuk menunjukkan kuasa (*divergence*) dan ‘*compliment*’ untuk menjalin hubungan rapat (*convergence*) dengan warga tua. Penggunaan *code-switching* juga menunjukkan *convergence*.

Penggunaan *elderspeak* diberi penilaian yang negatif dan positif. Penilaian negatif ditunjukkan dalam kajian Caporael et al. (1983). Penjaga membuat jangkakan bahawa penghuni yang mempunyai fungsi abiliti yang rendah suka dipertuturkan dalam gaya *baby talk* dan merasakan pertuturan yang bukan *baby talk* tidak memberi kesan dalam interaksi. Pada masa yang sama, *baby talk* dinilai oleh sebahagian warga tua sebagai merendah-rendahkan. Ryan, Hummert and Boich (1995) juga memberi komen yang menyatakan *elderspeak* akan memberi kesan buruk terhadap harga diri warga tua. Ini adalah sebab penggunaan *elderspeak* yang berulang-ulang menyebabkan *senior* merasakan harga dirinya rendah, menyebabkan mereka tidak mahu bercakap dan mengasingkan diri.

Terdapat kajian yang membuktikan penggunaan *elderspeak* memberi kesan positif. Ini dapat dilihat dalam kajian Gould and Belter (2002). Mereka telah menjalankan rakaman audio ke atas pertuturan biasa doktor dalam memberi arahan dan penerangan pengambilan ubat. Didapati pesakit yang *senior* dapat ingat arahan pengambilan ubat dengan lebih baik dan mereka menunjukkan sikap yang positif terhadap penggunaan *elderspeak*.

Pada pendapat pengkaji, penilaian terhadap penggunaan *elderspeak* bergantung kepada *setting* serta respon warga tua yang dipertuturkan dengan laras bahasa tersebut. Kajian Henwood and Giles (1985) menunjukkan bahawa lebih daripada 50% warga tua menunjukkan respon menyukai *elderspeak*, merasakan *elderspeak* dapat menunjukkan rasa mesra, dan pemeliharaan manakala 40% warga tua yang lain mendakwa *elderspeak* adalah suatu penghinaan (*patronizing*). Kajian Hummert and Mazloff (2001) juga menunjukkan dapatan yang sama. Dalam kajian mengenai respon ke atas *patronizing speech* dalam dua konteks iaitu di hospital dan dalam komuniti, Hummert and Mazloff (2001) mendapati bahawa *patronizing speech* tersebut diterima di *setting* hospital tetapi tidak diterima dalam *setting* komuniti. Dapatan kedua-dua kajian tersebut adalah bercanggah dengan dapatan kajian Sachweh (1988) mengenai penggunaan *elderspeak* di rumah penjagaan di Jerman. Beliau melaporkan bahawa jururawat Jerman ada menggunakan *elderspeak* tetapi penghuni tidak menunjukkan respon yang negatif keseluruhannya malah terdapat orang tua yang amat positif terhadap penggunaan *elderspeak*.

Dapatan kajian David Yoong (2006) juga menunjukkan kedua-dua pihak penjaga dan warga tua di pusat jagaan harian bersikap positif dengan penggunaan *elderspeak*. Beliau menggunakan instrumen 'temuramah berstruktur' untuk mengkaji persepsi penjaga dan warga tua terhadap *elderspeak*. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa penjaga menganggap *elderspeak* sebagai satu strategi untuk 'merapatkan hubungan' dengan warga tua. Warga tua pula mengatakan bahawa mereka suka penjaga menggunakan *elderspeak* kepada mereka dan menganggap bahawa *elderspeak* menunjukkan 'prihatin' dan 'kasih sayang' daripada penjaga.

Instrumen ‘temuramah berstruktur’ (*structured Interviews*) yang digunakan oleh Yoong (2006) adalah menarik dan sesuai dengan objektif kajiannya. Walaubagaimanapun, responden yang ditemuramah oleh beliau hanya terhad kepada tiga orang penjaga (daripada lima penjaga) dan tiga orang warga tua (daripada 18 warga tua). Sepertimana yang diterangkan oleh Yoong dalam kajiannya (Yoong, 2006), beliau menghadapi masalah responden terlalu sibuk (penjaga) dan tidak ingin ditemuramah (warga tua). Di samping itu, masalah tidak fasih Bahasa Mandarin dan dialek Kantonis telah menghadkan beliau memilih responden warga tua yang boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris sahaja. Responden penjaga yang ditemuramah oleh Yoong terdiri daripada kaum Cina sahaja, penjaga India tidak dapat ditemuramah atas sebab beban tugasnya. Dalam usaha memenuhi objektif mengenalpasti persepsi penjaga dan warga tua terhadap *elderspeak*, seseorang pengkaji sepatutnya menemuramah responden yang mempunyai latar belakang pendidikan dan budaya yang berlainan untuk mengawal ketepatan hasil kajian serta mengelakkan *bias* ketika penganalisan data. Pada pendapat pengkaji, mungkin respon warga tua yang berbeza dalam sesuatu kajian dipengaruhi oleh latar belakang budaya yang berlainan. Sejauhmana penggunaan *elderspeak* mencerminkan perbezaan kebudayaan masih tidak jelas dan perlu dikaji secara mendalam lagi.

Pendek kata, kajian lapangan dalam setting rumah warga emas memang tidak mudah dijalankan (berdasarkan pengalaman pengkaji). Banyak masa dan usaha diperlukan untuk mendekati dan menjalin hubungan mesra serta mewujudkan perasaan ‘dipercayai’ di kalangan penjaga dan warga emas sepanjang proses pengumpulan data kajian ini dijalankan.

2.4 Ageism

Ageism adalah proses stereotaip dan diskriminasi secara sistematis terhadap kita apabila kita telah dianggap tua. Menurut Bytheway (1995:10), "*Ageism can be seen as a process of systematic stereotype of discrimination against us when we are considered old.*" Coupland (1997) pula mengatakan ageism adalah suatu gambaran peningkatan umur, satu proses kemerosotan dalam penggunaan bahasa yang tidak dapat dielakkan bagi populasi warga tua.

Ageism wujud melalui gambaran dalam minda kita terhadap seseorang individu berdasarkan umurnya. Kajian terhadap stereotaip umur dalam komunikasi seharian contohnya perbualan telefon telah dikaji oleh Ryan, Anas, Hummert and Laver-Ingram (1998). Kajian Ryan et al. (1998) menunjukkan bahawa ramai orang muda mempunyai tanggapan negatif terhadap 'senior' dan menyangka 'senior' akan mengalami masalah semasa bercakap melalui telefon sedangkan laporan yang sebenar tidak begitu negatif.

Ageism juga merupakan satu tekanan kepada golongan tua. Chen and King (2002) mengkaji kepuasan komunikasi dalam inter dan intra generasi. Didapati bahawa kepuasan komunikasi adalah lebih tinggi di kalangan mereka yang mempunyai persepsi positif terhadap orang tua berbanding dengan kumpulan yang neutral atau yang mempunyai stereotaip negatif.

Kebanyakan orang mempunyai tanggapan bahawa keupayaan individu adalah sejajar dengan usia, dan semakin meningkat umur seseorang itu bermakna fungsi mental dan fizikal mereka adalah semakin merosot. Pandangan seperti ini adalah kurang tepat. Ini dapat dibuktikan dengan kajian eksperimen control Kemper, Vandeputte, Rice, Cheung and Gubarchuk (1995). Dalam kajian tersebut, mereka meminta pendengar yang tua

berpasangan dengan penutur muda. Penutur muda dikehendaki memberi arahan dan pendengar tua perlu mencari lokasi yang dinyatakan dalam peta. Semasa eksperimen dijalankan, informan yang tua mendengar apa yang dikatakan oleh informan muda. Informan tua tidak menyampuk, dan tidak meminta penutur muda bertutur dengan perlahan, mengulang atau menjelaskan arahan yang diberi. Walaupun pendengar tua tidak menunjukkan mereka menghadapi masalah tetapi penutur muda menukar kepada *elderspeak* secara konsisten. Kajian ini menunjukkan stereotaip terhadap golongan berumur adalah alah satu punca *ageism*.

Carver dan de la Garza (1984) mendapati bahawa apabila terjadi suatu kemalangan jalanraya, informasi yang ditanya kepada pemandu muda dan pemandu tua dapat menunjukkan cara penanyaan stereotaip yang konsisten. Untuk pemandu yang dilabel “tua”, soalan yang ditanya biasanya adalah mengenai fizikal, mental dan kebolehan pendengaran. Untuk pemandu yang muda, soalan yang ditunjukkan adalah samada mereka melebihi had laju atau telah minum alkohol.

Ini menandakan bahawa persepi kita terhadap golongan yang berumur akan mempengaruhi cara pertuturan ketika berkomunikasi dengan golongan tersebut. Pengkaji linguistik seperti Coupland et al. (1991), la Tourette and Meeks (2000) serta Simpson (2002) membuat kajian terhadap *elderspeak* untuk melihat bagaimana seseorang individu mengubah cara pertuturan ketika berkomunikasi dengan orang tua. Para linguistik tersebut mempertikaikan *elderspeak* sebagai satu manifestasi *ageism* adalah tidak patut digalakkan sebab menggunakan corak pertuturan yang ringkas dan berulang-ulang merendah-rendahkan keupayaan golongan tua.

Pada keseluruhannya, kajian mengenai *ageism* dapat digambarkan melalui bahasa dan persepsi yang prejudis. Ini dapat dibuktikan di mana orang yang meningkat tua selalu diberi penilaian yang rendah terhadap kebolehan mereka dan sikap prejudis ini mempengaruhi orang ramai bertindak secara diskriminasi kepada golongan orang yang telah meningkat umur.

2.5 Kod Menindas

Beberapa linguist (seperti Coupland et al., 1991; La Tourette & Meeks, 2000; Simpson, 2002; Williams, Kemper and Hummert, 2003) telah mengatakan bahawa *elderspeak* merupakan suatu kod yang menindas (*patronizing code*). Ini adalah sebab terdapat golongan masyarakat yang menggunakan laras bahasa pertuturan seperti kanak-kanak terhadap golongan warga tua atas alasan warga tua tidak cekap dari segi kognitif dan tidak berupaya bertutur sebagai seorang dewasa.

Di samping mengkaji ciri-ciri *elderspeak*, pengkaji juga ingin meneliti penggunaan item leksikal dalam wacana penjaga. Oleh demikian, dalam konteks kajian ini, kod menindas yang digunakan oleh pengkaji adalah merujuk kepada istilah *patronize* yang bermaksud ‘memperlakukan seseorang sebagai rendah martabat atau memperlakukan seseorang dengan cara yang merendah-rendahkan’. Oleh demikian, penggunaan kod menindas dalam kajian ini adalah termasuk bahasa atau dialek yang menggunakan item leksikal yang membawa makna merendah-rendahkan atau menghina seseorang.

Kod menindas juga memperlihatkan manifestasi *ageism*. Nuessel (1984) membuat kajian mengenai ‘*ageist language*’ dan dapatan kajian beliau menunjukkan terdapat banyak item leksikal yang menunjukkan *ageism* terhadap orang tua dalam bahasa penggunaan seharian. Kebanyakan istilah yang digunakan untuk menggambarkan

orang yang telah meningkat umur adalah dalam bahasa yang berunsur *ageism* atau membawa makna yang negatif contohnya istilah untuk perempuan yang telah meningkat umur selalu diberi awalan (*prefix*) “tua” (*old*) seperti *biddy* (ayam betina yang tua), *crone* (biri-biri betina tua), *hag* (perempuan tua yang hodoh). Contoh istilah *ageism* untuk lelaki yang telah meningkat umur adalah *gaffer* (orang kampung yang tua), *deffer* (bodoh, tidak memahami), *geezer* (lelaki yang pelik), *old fool* (si tua yang bodoh), *old fart* (kentut tua).

Adjektif yang merendahkan juga banyak termasuk *cantankerous* (cepat naik marah, susah dibawa berbincang), *crotchety* (sikap yang tidak menentu), *fussy* (cerewet), *garrulous* (berleter), *grumpy* (sikap yang pelik), *rambling* (tidak kemas, bersepah-sepah), *wrinklies* (berkedut).

Pendapat Covey (1988) terhadap penggunaan “*old*” (tua) adalah berlainan dengan Nuessel. Covey (1988) berpendapat bahawa etimologi perkataan “tua” itu sendiri telah mengandungi makna “pengalaman”, “skil”, dan “kebijaksanaan” dan juga telah dimasukkan makna “kemesraan” (*endearment*) seperti “*old friend*”, “*old bright*”. Akan tetapi beliau tetap mengakui bahawa penggunaa “tua” juga makna yang *conservatism* seperti “*old guard*”, untuk merujuk kepada “*Devil*” (*old Harry*, *old Nick*) dan didapati dalam istilah yang merendahkan seperti “*old fogey*” (orang tua yang kolot) dan “*dirty old man*” (orang tua yang kotor).

Pada pendapat pengkaji, kod yang merendahkan bukan hanya terhad kepada penggunaan item leksikal “tua”. Ini adalah sebab mana-mana item leksikal yang berunsur *ageism* dan merendahkan adalah bahasa yang menindas dan menyinggung perasaan seseorang. Sebagai contoh, item leksikal seperti

“bodoh” ,“nyanyuk”, yang digunakan ke atas warga tua adalah merendahkan status warga emas walaupun tidak menggunakan sebarang item leksikal “tua”.

2.6 Kesimpulan

Elderspeak adalah satu laras bahasa yang digunakan oleh seseorang individu yang lebih muda ketika bertutur dengan seseorang yang lebih tua. *Ciri-ciri eldespeak* dalam kajian lepas boleh dirumuskan seperti berikut:

- a. ujaran yang berulang-ulang (Coupland et al., 1991; Kemper et al., 1994)
- b. penggunaan ayat tanya (Ashburn and Gordon, 1981; la Tourette and Meeks, 2000)
- c. perbendaharaan yang terhad dan sintaksis yang ringkas (Ashburn and Gordon 1981; Coupland et al., 1991; la Tourette and Meeks, 2000; Simpson 2002)
- d. kadar pertuturan yang perlahan (Kemper et al., 1994; Simpson 2002)
- e. intionasi yang ‘*exaggerated*’ (Caporael, 1981; Caporael et.al, 1983; Kemper et al., 1994)

Bab ini telah membincangkan kajian perpustakaan dan topik-topik yang berkaitan dengan penyelidikan ini. Metod dan proses penganalisisian kajian mengenai ciri-ciri wacana penjaga akan dibincang di bab 3.